- 12.3 Tanpa mengambil kira apa-apa perkara lain lagi yang mungkin kami katakan dalam Polisi ini, kami hanya akan membayar Manfaat ini jika kejadian terlepas penerbangan sambungan itu dilaporkan dalam masa 24 jam selepas kejadian kepada pihak berkuasa lapangan terbang yang diberi kuasa di kawasan berlakunya kejadian itu. Anda mesti menghantar satu salinan laporan itu kepada kami pada masa Anda membuat tuntutan. Anda juga mesti menghantar kepada kami dokumen yang sewajarnya daripada pihak berkuasa lapangan terbang yang diberi kuasa yang termasuk pengesahan bertulis daripada syarikat penerbangan atau ejen kendaliannya dengan memberi sebab-sebab kelewatan itu.

13. TERLEPAS PENERBANGAN BERLEPAS

- 13.1 Jika, semasa dalam perjalanan ke atau semasa Perjalanan Luar Negara dan semasa Polisi ini berkuat kuasa, mana-mana Orang Yang Diinsuranskan terlepas penerbangan komersial yang telah disahkan di lapangan terbang berlepas (seperti yang dinyatakan pada tiket) disebabkan kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam atau kerosakan mekanikal, kami akan membayar balik kos penginapan dan perjalanan yang perlu dan munasabah yang dia perlu bayar untuk sampai ke destinasi asal atau balik ke Rumah.
- 13.2 Untuk mengelakkan keraguan, jumlah amaun yang akan kami bayar di bawah Manfaat ni untuk mana-mana satu Orang Yang Diinsuranskan bagi mana-mana satu Perjalanan Luar Negara tidak akan melebihi Amaun Maksima bagi setiap Perjalanan Luar Negara yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat di bawah "Had untuk setiap Orang Yang Diinsuranskan".

14. PERAMPASAN PESAWAT UDARA

- 14.1 Jika, semasa Perjalanan Luar Negara dan semasa Polisi ini berkuat kuasa, penerbangan komersial yang dinaiki oleh manamana Orang Yang Diinsuranskan telah dirampas, kami akan membayar jumlah tetap yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat di bawah Manfaat ini bagi setiap tempoh penuh dan berterusan kejadian itu seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat,
- 14.2 Untuk mengelakkan keraguan, jumlah amaun yang akan kami bayar di bawah Manfaat ini untuk mana-mana satu Orang Yang Diinsuranskan bagi mana-mana satu Perjalanan Luar Negara tidak akan melebihi Amaun Maksima bagi setiap Perjalanan Luar Negara yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat di bawah "Had untuk setiap Orang Yang Diinsuranskan".
- 14.3 Bagi tujuan Manfaat ini, "Perampasan" bermaksud mengambil alih pengangkutan awam dengan cara yang menyalahi undang-undang dengan menggunakan atau mengancam menggunakan kekerasan.
- 14.4 Tanpa mengambil kira apa-apa perkara lain lagi yang mungkin kami katakan dalam Polisi ini, kami hanya akan membayar Manfaat ini jika Perampasan tersebut dilaporkan dalam masa 24 jam selepas kejadian kepada polis atau pihak berkuasa lapangan terbang yang diberi kuasa di kawasan berlakunya kejadian itu. Anda mesti menghantarkan satu salinan laporan itu kepada kami pada masa Anda membuat tuntutan.

15. KEHILANGAN WANG PERSENDIRIAN

- 15.1 Jika, semasa Perjalanan Luar Negara dan semasa Polisi ini berkuat kuasa, mana-mana Orang Yang Diinsuranskan, disebabkan keadaan yang di luar kawalannya, kehilangan wang (iaitu mata wang sah diperlakukan, nota bank, cek kemas atau wang pos atau kiriman wang tetapi bukannya kad debit atau kad kredit) kepunyaannya, kami akan membayar balik amaun yang hilang itu.
- 15.2 Untuk mengelakkan keraguan:
- (a) jumlah amaun yang akan kami bayar di bawah manfaat ini untuk mana-mana satu Orang Yang Diinsuranskan bagi mana-mana satu Perjalanan Luar Negara tidak akan melebihi Amaun Maksima bagi setiap Perjalanan Luar Negara yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat dibawah "Had bagi setiap Orang Yang Diinsuranskan"; dan
 - (b) Manfaat ini tidak melindungi apa-apa kehilangan wang yang disebabkan oleh kesilapan atau kecuaiannya sesiapa, atau disebabkan kerugian dalam nilai mata wang.
- 15.3 Tanpa mengambil kira apa-apa perkara lain lagi yang mungkin kami katakan dalam Polisi ini, kami hanya akan membayar Manfaat ini jika kehilangan wang itu dilaporkan dalam masa 24 jam selepas kejadian kepada polis di kawasan berlakunya kejadian itu. Anda mesti menghantar satu salinan laporan itu kepada kami pada masa Anda membuat tuntutan.

16. KERUGIAN TAMBANG PERJALANAN YANG TELAH DIBAYAR DISEBABKAN EJEN PERJALANAN MELARIKAN DIRI ATAU TIDAK MAMPU BAYAR

- 16.1 Jika, semasa Polisi ini berkuat kuasa, mana-mana Orang Yang Diinsuranskan kerugian wang yang telah dibayar terlebih dahulu untuk tiket penerbangan atau pakej pelancongan bagi Perjalanan Luar Negara akibat even perjalanan menjadi tidak mampu bayar atau melarikan diri ('menghilangkan diri'), kami akan membayar ganti bayaran pendahuluan tersebut.
- 16.2 Untuk mengelakkan keraguan, jumlah amaun yang akan kami bayar di bawah Manfaat ini untuk mana-mana satu Orang Yang Diinsuranskan bagi mana-mana satu Perjalanan Luar Negara tidak akan melebihi Amaun Maksima bagi setiap Perjalanan Luar Negara yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat di bawah "Had untuk setiap Orang Yang Diinsuranskan".

17. PERLINDUNGAN KEGANASAN

- 17.1 Manfaat dalam Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Orang Yang Diinsuranskan bagi kerugian, kerosakan, kematian, sakit atau kecederaan badan atau kejadian lain (jika berkenaan) disebabkan oleh atau akibat daripada Tindakan Penganas. Tanpa mengambil kira apa-apa perkara lain yang mungkin kami katakan dalam takrifan Tindakan Penganas dalam Polisi ini, Tindakan Penganas tidak termasuk tindakan yang merupakan Keganasan Nuklear, Kimia dan Biologi.
- 17.2 Di mana kami nyatakan di bawah syarat perlindungan ini, mana-mana kematian atau kecederaan badan tidak dilindungi oleh Polisi ini, beban membuktikan bahawa ia dilindungi adalah terletak pada Anda (atau wakil diri sah Anda dalam mana-mana tindakan undang-undang, guaman atau prosiding lain. Supaya suatu tuntutan dibayar di bawah Klausula ini, Anda (atau wakil diri sah anda) perlu membuktikan bahawa kematian atau kecederaan badan itu (termasuk sakit dan kecederaan badan) atau kejadian lain dilindungi oleh Klausula ini.

18. BANTUAN PERJALANAN KECEMASAN 24 JAM DI SELURUH DUNIA

- 18.1 Polisi ini diperluaskan untuk melindungi mana-mana Orang Yang Diinsuranskan yang mengembara di luar Malaysia sehingga 90 hari setiap perjalanan dan lebih daripada 100 kilometer dari Rumah mereka, bagi manfaat seperti:
- i. Nasihat perubatan melalui telefon daripada Doktor.
 - ii. Khidmat rujukan kepada Hospital atau Doktor.
 - iii. Mengaturkan janji temu dengan Doktor.
 - iv. Mengaturkan kemasukan ke Hospital.
 - v. Memantau keadaan perubatan semasa dimasukkan ke Hospital;
 - vi. Menjamin perbelanjaan perubatan semasa kemasukan ke Hospital.
 - vii. Mengaturkan untuk menghantar Orang Yang Diinsuranskan ke Hospital terdekat seperti yang diperlukan dalam kecemasan perubatan.
 - viii. Mengaturkan untuk menghantar Orang Yang Diinsuranskan pulang ke Rumah dalam kecemasan perubatan.
 - ix. Mengaturkan untuk mengangkut mayat atau jenazah Orang Yang Diinsuranskan.

- x. Menyediakan bantuan perjalanan antarabangsa mengenai:
- maklumat tentang inokulasi dan visa yang diperlukan;
 - maklumat tentang kadar pertukaran asing;
 - maklumat tentang cuaca;
 - rujukan kedutaan;
 - kehilangan bagasi;
 - kehilangan pasport;
 - menghantar pesanan kecemasan; dan
 - pentafsiran dan rujukan jurubahasa.
- 18.2 Manfaat ini disediakan oleh pihak ketiga yang dilantik (Syarikat Bantuan Perjalanan), dan akan berdasarkan terma dan syarat.
- 18.3 Syarikat Bantuan Perjalanan hanya menyediakan khidmat rujukan atau pengaturan. Orang Yang Diinsuranskan bertanggungjawab terhadap semua kos dan perbelanjaan untuk khidmat ini. Ini tidak menjejaskan haknya untuk membuat tuntutan ke atas mana-mana Manfaat yang dia layak dapat daripada Polisi ini. Jika Orang Yang Diinsuranskan memerlukan khidmat ini, dia perlu menghubungi Syarikat Bantuan Perjalanan di nombor talian yang diberikan oleh Syarikat Bantuan Perjalanan atau sebarang nombor lain yang kami atau Syarikat Bantuan Perjalanan beritahu dari semasa ke semasa, bagi negara destinasi pengembaraan Orang Yang Diinsuranskan semasa Perjalanan Luar Negara itu. Khidmat oleh Syarikat Bantuan Perjalanan hanya akan diberikan jika Orang Yang Diinsuranskan memberikan jaminan kewangan yang diperlukan.
- 18.4 Syarikat Bantuan Perjalanan atau orang yang dilantik oleh Syarikat Bantuan Perjalanan bukannya pekerja atau ejen kami. Oleh itu, kami tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa tindakan atau kecuaiannya oleh mereka, termasuk apa-apa kegagalan atau kelewatan mereka untuk menyediakan perkhidmatan itu. Kami hanya akan mengekalkan hubungan dengan Syarikat Bantuan Perjalanan supaya Manfaat ini dapat terus diberikan.
- 19. Klausula Penyelaman Menggunakan Mat Untuk Bernafas Di Dalam Air**
- Dengan ini dideklarasikan dan disetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Pemegang Polisi/Orang Yang Diinsuranskan semasa menyertai atau terlibat di dalam penyelaman menggunakan alat untuk bernafas di air atau penggunaan alat paru-paru air sebagai seorang amatur.
- Dengan syarat syarikat akan sentiasa tidak bertanggungjawab bagi kematian atau hilang upaya atau pampasan atau kerugian jika aktiviti sebegini dilakukan pada tahap melebihi 30 meter di bawah paras air atau pada peringkat profesional atau dalam sebarang bentuk pertandingan atau pameran atau demonstrasi atau perburuan harta karun.

BAHAGIAN II : SYARAT

Kami akan membayar Manfaat di bawah Polisi ini asalkan Anda membayar premium yang perlu dibayar.

Jika mana-mana jawapan, kenyataan atau maklumat yang Anda berikan sebelum Polisi dibuat, diubah atau diperbaharui didapati palsu atau mengelirukan atau jika Anda gagal untuk mendedahkan seperti yang dikehendaki, kami berhak untuk mengelak Polisi ini atau menjalankan mana-mana hak yang sedia ada untuk kami di dalam Jadual 9 daripada Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

Jika mana-mana tuntutan yang dibuat adalah secara penipuan atau ditokok tambah, atau sebarang pengisytiharaan yang palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut, kami berhak untuk mengelak Polisi ini.

Anda mesti menulis surat dan memberitahu kami dengan segera mengenai sebarang pertukaran alamat, pekerjaan, profesion tugas, kegiatan, hubungan perkahwinan (jika Suami atau Isteri anda juga diinsuranskan di bawah Polisi ini) atau apa-apa perubahan lain yang berkaitan. Anda mesti berbuat demikian sepanjang tempoh Polisi ini dan sebelum Anda membaharui Polisi ini. Anda juga mesti memberitahu kami mengenai sebarang kecederaan, sakit, penyakit, kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang menimpa Orang Yang Diinsuranskan atau yang Orang Yang Diinsuranskan mengetahui mengenainya. Anda mesti mengalamatkan notis tersebut kepada Cawangan Tempatan kami yang terdekat dan/atau Ibu Pejabat kami. Kami boleh mengubah terma dan syarat Polisi ini dan tarikh perubahan kepada sebarang keadaan anda. Pindaan pada Terma-terma Polisi ini atau sebarang Endorsemen padanya tidak akan sah melainkan ia ditandatangani oleh wakil kami yang diberi kuasa.

Jika Orang Yang Diinsuranskan memulakan atau terlibat dalam pekerjaan yang mendedahkannya kepada bahaya yang lebih besar daripada pekerjaannya yang terdahulu, Anda mestilah memberitahu kami dengan segera. Setelah itu, Anda memerlukan kebenaran bertulis kami untuk meneruskan Polisi ini di mana Anda mungkin perlu membayar premium tambahan. Jika kami tidak bersetuju untuk meneruskan Polisi ini, kami tidak akan membayar sebarang tuntutan yang timbul daripada atau semasa menjalankan pekerjaan.

BAHAGIAN III : PENGECEUALIAN

A. PENGECEUALIAN AM

Polisi ini tidak melindungi sebarang kecederaan atau hilang upaya atau sebarang kerugian lain yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut dan kami tidak akan membayar apa-apa manfaat berkaitan dengannya:

- peperangan, pencerobohan, tindakan musuh luar, permusuhan atau operasi seakan perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, dahagi, kekacauan awam yang mengambil bentuk atau sama seperti pemberontakan awam, kebangkitan tentera, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, pakatan sulit, pemerintahan tentera atau keadaan terkepung, kuasa tentera atau rampasan kuasa, atau sebarang tindakan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana pertubuhan dengan kegiatan yang ditujukan ke arah menggulingkan mana-mana Kerajaan *de jure* atau *de facto* secara kekerasan atau mempengaruhinya secara keganasan, perampasan atau pemilikan negara atau rekuisisi atau pemusnahan atau kerosakan pada harta benda atau di bawah perintah mana-mana Kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan. Walau bagaimanapun, pengecualian ini tidak diterima pakai untuk mana-mana manfaat dalam Polisi ini yang secara langsung disebabkan oleh Tindakan Pengganas seperti yang dilindungi di bawah Perlindungan Keganasan di atas;
- bahan senjata nuklear, bahan pengionan atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada mana-mana sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear dan bagi pengecualian ini, pembakaran termasuklah proses belahan atau lakuran nuklear selenggara diri;
- semasa mengembara dengan menaiki pesawat udara sebagai juruterbang atau anak kapal, kecuali hanya sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam pesawat udara komersial yang dilisenkan untuk perkhidmatan penumpang. Bagi tujuan pengecualian ini, Orang Yang Diinsuranskan juga tidak akan dilindungi di bawah Polisi ini jika dia terlibat dalam mana-mana operasi teknikal atau navigasi semasa di dalam pesawat udara itu;

- (d) pengembaraan semasa menaiki helikopter;
 - (e) sebarang jenis wabak, jangkitan, sakit atau penyakit; Walau bagaimanapun, pengecualian ini tidak termasuk Sakit Yang Tiba-tiba dan Tidak Diduga bagi manfaat yang dinyatakan dalam Bahagian I Klausa (Perbelanjaan Perubatan Luar Negara), 3(Pendapatan Hospital Luar Negara), 4(Perbelanjaan Lawatan Belas Ihsan Luar Negara), 5(Pembatalan Perjalanan) dan 6 (Pemendekan Perjalanan);
 - (f) sebarang Penyakit Sedia Ada, serta sebarang kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang sedia ada;
 - (g) melahirkan anak, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi yang berkaitan dengan mana-mana daripadanya;
 - (h) ketaksiuman, bunuh diri, percubaan bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau kecederaan diri yang disengajakan / tidak disengajakan atau percubaan untuk berbuat demikian semasa siuman atau tidak siuman, atau rawatan pergigian (kecuali diperlukan kerana kecederaan yang dialami akibat Kemalangan semasa Perjalanan Luar Negara), kecelaruan mental dan gangguan saraf;
 - (i) pendedahan sengaja kepada bahaya selain daripada dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia;
 - (j) narkotik atau dadah (melainkan dadah yang dipreskripsikan oleh Doktor);
 - (k) pembunuhan atau serangan yang diprovokasi;
 - (l) semasa melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang, perbuatan niat jahat atau perbuatan sengaja, termasuk menentang daripada ditahan;
 - (m) semasa menyertai sebarang jenis perlumbaan (selain lumba lari dan lumba jalan kaki), penentuan kecepatan, ujian atau percubaan kelajuan atau kebolehpercayaan;
 - (n) semasa menyertai sebarang sukan profesional;
 - (o) semasa menyertai sebarang aktiviti sukan udara (seperti peluncuran gantung, menaiki belon udara, terjun dengan payung terjun, terjun udara, terjun *bungee* atau aktiviti seumpamanya), sukan musim sejuk atau sukan air, hoki ais, penggunaan gerobak luncur, *Inge* atau kereta luncur salji, lumba berhalang, aktiviti dalam air yang melibatkan penggunaan peralatan pernafasan melebihi kedalaman 30 meter, seni mempertahankan diri, tinju, mendaki gunung yang memerlukan penggunaan tali atau sebarang aktiviti atau sukan berbahaya lain;
 - (p) semasa menggunakan mesin kerja kayu yang digerakkan oleh kuasa mekanikal kecuali alat-alat mudah alih yang menggunakan tangan dan digunakan semata-mata untuk tujuan persendirian tanpa ganjaran. Pengecualian ini tidak diaplikasi jika Orang Yang Diinsuranskan diambil bekerja untuk mengendalikan mesin kerja kayu sebagai fungsi kerjanya;
 - (q) sebarang penyakit yang dijangkiti melalui hubungan kelamin;
 - (r) jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau macam mana pun sindrom ini diperolehi atau dinamakan;
 - (s) di mana kecederaan, kerugian atau kerosakan itu dilindungi oleh mana-mana polisi/skim insurans lain, program kerajaan atau yang akan dibayar, dibayar ganti atau dibayar batik oleh hotel, syarikat penerbangan, ejen perjalanan atau mana-mana penyedia perjalanan dan/atau penginapan lain, atau mana-mana pihak ketiga; dan/atau
 - (t) sebarang pembedahan kosmetik atau plastik, pendennaan organ dan tisu, penukaran jantina serta pembedahan tinjau periksa atau pembedahan eksperimen atau sebarang prosedur elektif lain selain daripada prosedur perubatan yang perlu dilakukan kerana kecederaan, pembedahan atau penyakit yang disebabkan oleh Kemalangan.
- B. Selain Pengecualian Am di atas, kategori Manfaat tertentu yang berikut juga akan tertakluk kepada keadaan, situasi atau pengecualian lain yang disebutkan di bawah:

1. PERBELANJAAN PERUBATAN LUAR NEGARA; PEMINDAHAN DAN PENGHANTARAN PULANG PERUBATAN KECEMASAN; dan PENDAPATAN HOSPITAL LUAR NEGARA

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat ataupun melindungi sebarang tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana yang berikut:

- (a) untuk rawatan perubatan dan/atau pembedahan jika rawatan perubatan dan/atau pembedahan tersebut boleh, pada pendapat Doktor yang merawat Orang Yang Diinsuranskan, boleh ditangguhkan semunasabahnya sehingga Orang Yang Diinsuranskan kembali ke Malaysia;
- (b) untuk kos dan perbelanjaan tambahan bagi penginapan di bilik bujang atau bilik persendirian di Hospital, atau bagi rawatan khas atau persendirian, cermin mata, alat bantu pendengaran atau preskripsinya, melainkan mana-mana daripadanya perlu bagi kecederaan yang dialami akibat Kemalangan dan/atau Sakit Yang Tiba-tiba dan Tidak Diduga semasa Perjalanan Luar Negara;
- (c) untuk rawatan perubatan dan/atau pembedahan yang diterima bagi sebarang penyakit yang dideritai dari jarak 30 kilometer dari Rumah mereka;
- (d) untuk sebarang perbelanjaan dan/atau perkhidmatan yang tidak diluluskan dan diuruskan oleh Syarikat Bantuan Perjalanan, atau wakil sah Syarikat Bantuan Perjalanan, melainkan Orang Yang Diinsuranskan tidak dapat memberitahu Syarikat Bantuan Perjalanan dalam situasi perubatan kecemasan kerana sebab-sebab yang di luar kawalannya. Jadi kami boleh memutuskan sama ada kami hendak membayar ganti atau tidak perbelanjaan bagi perkhidmatan yang Syarikat Bantuan Perjalanan sepatutnya berikan dalam keadaan yang sama dan sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat; atau untuk sebarang rawatan alkohol atau penyalahgunaan bahan yang lain.

2. PEMBATALAN PERJALANAN; dan PEMENDEKAN PERJALANAN

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat mahupun melindungi sebarang tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana yang berikut:

- (a) jika Orang Yang Diinsuranskan memilih untuk tidak mengembara atau disebabkan keadaan kewangannya;
- (b) perbuatan yang menyalahi undang-undang atau prosiding jenayah mana-mana orang yang Perjalanan Luar Negara itu bergantung padanya; atau
- (c) kegagalan untuk memberitahu ejen perjalanan, pengusaha pelancongan atau penyedia pengangkutan dan/atau penginapan dengan segera selepas didapati perlu untuk membatalkan pengaturan bagi Perjalanan Luar Negara atau memendekkan perjalanan.

3. KEROSAKAN ATAU KEHILANGAN BAGASI ATAU BARANG PERSENDIRIAN, DAN KEHILANGAN DOKUMEN PERJALANAN; KEROSAKAN ATAU KEHILANGAN PERALATAN PERNIAGAAN MUDAH ALIH PERIBADI; dan KEHILANGAN WANG PERSENDIRIAN

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat mahupun melindungi sebarang tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana yang berikut:

- (a) RM50 pertama bagi setiap tuntutan;
- (b) kerugian atau kerosakan yang timbul daripada kelewatan, mengalihkan, memusnahkan atau mengekalkan harta oleh mana-mana pihak berkuasa dan kerana sebarang sebab;
- (c) kerugian atau kerosakan pada dokumen (melainkan is dilindungi di bawah Polisi ini);
- (d) pecah atau kerosakan pada barang atau benda yang mudah pecah;
- (e) barang niaga, sampel atau barang makanan;
- (f) haus dan lusuh biasa, kemerosotan beransur-ansur, gegat, haiwan perosak, kerosakan mekanikal biasa, kerosakan atau kepincangan elektrik, atau disebabkan sebarang proses membaiki;
- (g) kehilangan atau kerosakan semasa di bawah jagaan hotel, melainkan dilaporkan secara bertulis kepada hotel dalam masa 24 jam selepas diketahui. Anda mesti menghantarkan satu salinan laporan tersebut kepada kami pada masa anda membuat tuntutan;
- (h) Kelas-kelas harta berikut: haiwan, kenderaan bermotor (termasuk aksesori), motosikal, bot, motor, sebarang jenis pengangkutan lain, perabot rumah, antik, barang kemas, bon, kupon, setem, surat cara boleti niaga, surat ikatan, manuskrip dan sebarang jenis sekuriti;
- (i) kehilangan atau kerosakan bagasi Orang Yang Diinsuranskan, barang kepunyaan sendiri, atau wang persendirian yang dihantar terlebih dahulu atau diposkan, dikirim atau diangkut secara berasingan;
- (j) kehilangan atau kerosakan bagasi Orang Yang Diinsuranskan, barang kepunyaan sendiri atau Wang persendirian yang ditinggalkan tanpa jagaan di tempat awam atau di dalam kenderaan yang tidak diawasi, atau akibat kegagalan Orang Yang Diinsuranskan untuk mengambil langkah berhati-hati dan berjaga-jaga yang sewajarnya bagi melindungi harta itu atau ditinggalkan dengan orang yang Orang Yang Diinsuranskan tidak kenali;
- (k) kehilangan atau kerosakan pada peralatan yang disewa atau dipajak;
- (l) kehilangan atau kerosakan pada perisian dan aksesori Peralatan Perniagaan Mudah Alih peribadi, serta data yang disimpan di dalam Peralatan Perniagaan Mudah Alih peribadi; atau
- (m) kehilangan misteri.

4. LIABILITI DIRI

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat mahupun melindungi sebarang tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana yang berikut:

- (a) liabiliti majikan, atau liabiliti yang berbangkit di bawah kontrak;
- (b) liabiliti terhadap mana-mana saudara Orang Yang Diinsuranskan (yang termasuk saudara sedarah sedaging atau saudara semenda);
- (c) perbuatan mana-mana haiwan atau harta kepunyaan Orang Yang Diinsuranskan, atau dalam jagaan atau kawalan Orang Yang Diinsuranskan;
- (d) menjalankan sebarang pekerjaan, pemiagaan atau profesion;
- (e) memiliki atau menggunakan mana-mana tanah atau bangunan (selain daripada menggunakan apa-apa rumah sementara);
- (f) memiliki atau menggunakan kenderaan, pesawat udara atau pesawat air atau sebarang jenis pengangkutan lain;
- (g) kos undang-undang akibat daripada sebarang prosiding jenayah;
- (h) kesan atau penyalahgunaan bahan pemabuk (yang termasuk alkohol); atau
- (i) ganti rugi punitif, ganti rugi teruk atau ganti rugi teladan.

5. TERLEPAS PENERBANGAN SAMBUNGAN

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat mahupun melindungi sebarang tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Orang Yang Diinsuranskan tidak mendaftar masuk menurut rancangan perjalanan yang diberikan kepadanya.

6. TERLEPAS PENERBANGAN BERLEPAS

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat mahupun melindungi sebarang tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana yang berikut:

- (a) kerugian yang timbul daripada Orang Yang Diinsuranskan terlewat atau tidak menaiki penerbangan komersial yang disahkan selepas tiba di lapangan terbang dan mendaftar masuk; atau
- (b) kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam yang timbul daripada mogok atau tindakan perusahaan yang bermula atau diumumkan sebelum tarikh terlepas penerbangan itu.

7. KELEWATAN BAGASI

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat mahupun melindungi sebarang tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana yang berikut:

- (a) kelewatan yang tidak diisytiharkan kepada syarikat yang mengendalikan bagasi (seperti syarikat pengangkut, syarikat penerbangan atau kakitangan lapangan terbang) atau pihak berkuasa yang berkaitan;

- (b) kelewatan yang disebabkan oleh atau sebahagiannya/keseluruhannya disebabkan oleh kegagalan Orang Yang Diinsuranskan untuk melabelkan dan/atau mendaftar masuk bagasinya menurut keperluan syarikat yang mengendalikan bagasi (seperti syarikat pengangkut, syarikat penerbangan atau kakitangan lapangan terbang)
- (c) barang yang Orang Yang Diinsuranskan beli selepas dia menerima bagasinya balik daripada syarikat yang mengendalikan bagasi (seperti syarikat pengangkut, syarikat pengangkutan, syarikat penerbangan atau kakitangan lapangan terbang);
- (d) kelewatan bagasi apabila is berlaku dalam perjalanan balik ke Malaysia dan Perjalanan Luar Negara.

8. KELEWATAN PENERBANGAN

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat mahupun melindungi sebarang tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana yang berikut:

- (a) Orang Yang Diinsuranskan tidak mendaftar masuk menurut rancangan perjalanan yang diberikan kepadanya;
- (b) Orang Yang Diinsuranskan lewat menaiki penerbangan komersial yang disahkan atau tiba di lapangan terbang selepas waktu mendaftar masuk yang dikehendaki;
- (c) kelewatan penerbangan yang timbul daripada mogok atau tindakan perusahaan yang bermula atau diumumkan sebelum waktu yang dijadualkan yang dinyatakan dalam itinerari perjalanan; atau
- (d) jika syarikat penerbangan atau lapangan terbang menghantarkan pengesahan bertulis, atau komunikasi melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) memaklumkan mengenai waktu berlepas barn yang dijadualkan.

9. KERUGIAN TAMBANG PERJALANAN YANG TELAAI DIBAYAR DISEBABKAN EJEN PERJALANAN MELARIKAN DIRI ATAU TIDAK MAMPU BAYAR

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat mahupun melindungi sebarang tuntutan jika Polisi ini dibeli kurang daripada tujuh hari sebelum bermulanya Perjalanan Luar Negara yang dijadualkan itu atau jika Polisi ini dibeli selepas Anda mengetahui bahawa ejen perjalanan itu menghadapi ketakmampuan bayar atau telah melarikan diri.

BAHAGIAN IV : TUNTUTAN

Tanpa mengambil kira apa-apa perkara lain lagi yang mungkin kami katakan dalam Polisi ini, kami hanya akan membuat bayaran jika Anda dan Orang Yang Diinsuranskan mengikut semua prosedur berkaitan yang dinyatakan di bawah.

Manfaat hanya akan dibayar jika:

- (a) kami menerima tuntutan untuk manfaat itu dalam masa 30 hari selepas Perjalanan Luar Negara di mana kejadian yang menimbulkan tuntutan itu berbangkit;
- (b) kami menerima semua dokumen dan maklumat yang berkaitan dalam masa enam bulan selepas Perjalanan Luar Negara di mana peristiwa yang menimbulkan tuntutan itu berbangkit. Dokumen dan maklumat ini hendaklah mengikut apa yang kami perlukan, dalam bentuk dan cara yang kami kehendaki, dan Anda hendaklah membayar sebarang kos yang terlibat untuknya; dan
- (c) Orang Yang Diinsuranskan yang terlibat dalam peristiwa yang menimbulkan tuntutan itu, jika dikehendaki oleh kami, menjalani pemeriksaan kesihatan oleh Doktor yang telah kami lantik (kami akan membayar kos untuk pemeriksaan kesihatan tersebut).

BAHAGIAN V : PENAMATAN DAN PEMBATALAN

1. PENAMATAN

Polisi ini akan tamat serta-merta apabila polisi Pacific Flexi Plan yang Polisi ini dilampirkan padanya tamat atas apa sebab jua pun.

2. PEMBATALAN

- (a) Kami boleh, pada bila-bila masa, memberi Anda notis tujuh hari untuk membatalkan Polisi ini. Jika kami berbuat demikian, kami akan mengembalikan sebahagian daripada premium bagi tempoh perlindungan yang belum dikenakan.
- (b) Anda juga boleti membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi kami notis tujuh hari. Sebarang pembayaran balik premium jika terhutang kepada Anda akan dibayar, tolak premium yang dikenakan mengikut Kadar Tempoh Pendek kami yang berikut.

Tempoh insurans tidak melebihi	Peratusan premium tahunan yang akan dikenakan
6 bulan	50%
7 bulan	58.3%
8 bulan	66.7%
9 bulan	75%
10 bulan	83.3%
11 bulan	91.7%
12 bulan	100%

Tertakluk kepada premium minima RM60 yang akan disimpan oleh kami.

BAHAGIAN VI : TAKRIFAN DAN TAFSIRAN

1. TAKRIFAN

Dalam Polisi ini, melainkan kami mengatakan sesuatu yang lain atau melainkan ia sepatutnya dalam keadaan itu difahami dengan maksud yang lain, setiap istilah yang dinyatakan di bawah akan membawa maksud berikut:

Anda bermaksud orang yang dinamakan sebagai Pemegang Polisi dalam Jadual yang dilampirkan mestilah berumur di antara 16 hingga 65 tahun.

Orang Yang Diinsuranskan bermaksud orang yang masing-masing dinamakan dalam Jadual sebagai Orang Yang Diinsuranskan.

Kemalangan bermaksud kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka dan tertentu yang berlaku pada masa dan tempat yang boleti dikenal pasti.

Asia bermaksud negara-negara ASEAN, China, Hong Kong, Macau, Taiwan, Korea, Australia, New Zealand, Jepun dan India, termasuk Perjalanan Malaysia Timur/Barat.

Pergolakan Awam, Rusuhan atau Kekacauan bermaksud perhimpunan rakyat yang terancang atau tidak terancang untuk menyebabkan pandangan mereka dan perhimpunan orang ini menjadi ganas (sama ada polls dan/atau tentera bertindak balas). Tindakan keganasan individu atau perhimpunan orang yang menuntut hak kedaulatan dan bertindak bagi pihak negara berdaulat tidak termasuk dalam maksud ini.

Rakan Niaga Rapat bermaksud rakan sekerja yang bekerja dengan organisasi yang sama seperti Orang Yang Diinsuranskan, yang ketidakhadirannya untuk bekerja membuatkan Orang Yang Diinsuranskan perlu membatalkan atau memendekkan Perjalanan Luar Negaranya. Keperluan ini mesti disahkan secara bertulis oleh pengarah kanan organisasi itu. Jika Orang Yang Diinsuranskan memiliki perniagaan/perkongsian sendiri, **maka Rakan Niaga Rapat bermaksud empunya atau rakan kongsi yang namanya** tertera pada borang pendaftaran perniagaan atau perkongsian, dan yang ketidakhadirannya untuk bekerja membuatkan Orang Yang Diinsuranskan perlu membatalkan atau memendekkan Perjalanan Luar Negaranya.

Anak Tanggungan bermaksud anak yang belum berkahwin yang berumur di antara 12 bulan hingga 18 tahun yang tidak bekerja untuk mendapatkan upah atau keuntungan dan yang bergantung pada Anda untuk nafkah dan sara hidup. Ini termasuk anak kandung anda dan Suami atau Isteri anda, anak tin atau anak angkat sah yang namanya dicetak dalam Jadual atau endorsemen yang dilampirkan padanya. Tanpa mengambil kira apa-apa perkara lain lagi yang mungkin kami katakan dalam Polisi ini, kami hanya akan melanjutkan had umur sehingga hari lahir Anak Tanggungan yang ke-24 tahun jika dia sebagai pelajar sepenuh masa di sekolah atau institusi pengajian tinggi.

Doktor, Pakar Perubatan atau Pakar Bedah bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang berkelayakan dan dilisenkan untuk mengamalkan perubatan Barat. Dalam memberikan rawatan itu, mereka mesti mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihan mereka di kawasan geografi profesion tersebut diamalkan. Orang ini tidak boleh merupakan anda, Orang Yang Diinsuranskan, suami atau isteri Orang Yang Diinsuranskan atau Suami atau Isteri anda atau saudara terdekat.

Perjalanan Malaysia Timur/Barat bermaksud perjalanan dari Malaysia Timur ke Semenanjung Malaysia atau dari Semenanjung Malaysia ke Malaysia Timur. Perjalanan bermula apabila Orang Yang Diinsuranskan menaiki pesawat udara yang membawanya dari Malaysia Timur ke Semenanjung Malaysia (atau dari Semenanjung Malaysia ke Malaysia Timur, mengikut mana-mana yang berkenaan). Perjalanan berakhir apabila Orang Yang Diinsuranskan kembali dari Semenanjung Malaysia ke Malaysia Timur (atau dari Malaysia Timur ke Semenanjung Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan). Untuk mengelakkan keraguan, Malaysia Timur termasuklah Wilayah Persekutuan Labuan.

Syarikat Bantuan Perjalanan ialah penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang telah kami lantik untuk menyediakan manfaat Bantuan Perjalanan Kecemasan 24 Jam Di Seluruh Dunia di bawah terma-terma Polisi ini.

Rumah ialah alamat di Malaysia yang dinyatakan sebagai alamat rumah anda dalam Jadual atau endorsemen yang dilampirkan padanya.

Hospital bermaksud institusi sah yang beroperasi terutamanya, dan memegang lesen sah (jika dikehendaki oleh undang-undang), untuk jagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera, dan yang:

- di bawah penyeliaan dan mempunyai kakitangan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang Doktor, Pakar Perubatan atau Pakar Bedah;
- menyediakan khidmat 24 jam oleh jururawat berdaftar dan yang berkelulusan siswazah dengan sekurang-kurangnya seorang jururawat profesional berdaftar bertugas pada setiap masa;
- mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan utama; dan
- bukannya klinik, tempat untuk orang ketagih alkohol atau dadah, rumah penjagaan, rumah rehat atau rumah pemulihan atau rumah orang tua atau pedubuhan seumpamanya.

Suami atau Isteri bermaksud suami atau isteri anda yang mesti berumur di antara 16 hingga 65 tahun dan yang tidak berpisah atau bercerai secara sah dengan Anda. Hanya Suami atau Isteri yang dinamakan dalam Jadual sahaja akan dilindungi.

Ahli Keluarga Terdekat bermaksud suami, isteri, anak (anak kandung atau anak angkat), adik-beradik, ibu bapa (termasuk ibu bapa tiri), mertua, datuk, nenek, cucu atau penjaga sah Orang Yang Diinsuranskan.

- menghentikan (atau mengancam menghentikan) fungsi-fungsi kritikal di dalam negara, masyarakat atau sistem, bagi tempoh yang cukup lama untuk mendatangkan kemudaratan yang besar kepadanya atau menyebabkan kegagalannya; dan
- mengakibatkan kerosakan harta benda, kematian atau kecederaan secara besar-besaran yang boleh melibatkan bantuan antarabangsa; dan untuk mengelakkan keraguan, kesan kejadian yang membawa bencana dan ketidakupayaan mangsa-mangsanya untuk menghadapinya yang membentuk Bencana Alam, dan bukannya peristiwa iti sendiri.

Perjalanan Luar Negara bermaksud perjalanan di luar Malaysia tetapi dalam Had Wilayah yang dinyatakan dalam Jadual yang bermula apabila Orang Yang Diinsuranskan lepas pemeriksaan oleh kaunter imigresen Malaysia untuk berlepas dari wilayah Malaysia. Perjalanan itu berakhir apabila Orang Yang Diinsuranskan lepas pemeriksaan oleh kaunter imigresen Malaysia untuk masuk balik ke Malaysia.

Perjalanan Luar Negara juga termasuk Perjalanan Malaysia Timur/Barat.

Polisi bermaksud perjanjian ini, borang cadangan, sebarang endorsemen dan Jadual yang dilampirkan padanya, sebarang pindaan yang telah kami tandatangani dan permohonan yang Anda buat. Polisi tersebut akan menjadi kontrak antara Anda dan kami.

Peralatan Perniagaan Mudah A.lih bermaksud komputer riba, telefon bimbit, pembantu digital peribadi (PDA) dan peranti BlackBerry yang didaftarkan dan dimiliki sendiri oleh Orang Yang Diinsuranskan.

Penyakit Sedia Ada bermaksud keadaan, penyakit atau kecederaan yang Orang Yang Diinsuranskan mengetahui sewajarnya mengenai keadaan tersebut sebelum Polisi ini berkuat kuasa. Orang Yang Diinsuranskan akan dianggap mengetahui sewajarnya mengenai Penyakit Sedia Ada itu apabila:

- (a) Orang Yang Diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- (b) nasihat perubatan, diagnosis, jajan atau rawatan telah disyorkan;
- (c) simptom yang jelas dan tepat dapat atau telah dilihat dengan nyata; atau
- (d) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang waras yang mengalami keadaan itu.

Caj Munasabah dan Masa Diamalkan bermaksud caj untuk rawatan, bekalan atau khidmat perubatan yang perlu dari segi perubatan untuk merawat Orang Yang Diinsuranskan, dan yang tidak lebih tinggi daripada had caj biasa untuk rawatan, bekalan atau khidmat perubatan yang sama di kawasan di mana caj itu dikenakan.

Sakit Yang Tiba-tiba dan Tidak Diduga bermaksud sebarang perubahan ketara yang tiba-tiba dan/atau tidak diduga pada kesihatan fizikal Orang Yang Diinsuranskan disebabkan keadaan perubatan yang dijangkiti, bermula atau mula-mula kelihatan dengan jelas semasa Orang Yang Diinsuranskan mendapatkan rawatan Doktor yang bertindak dalam skop lesennya untuk merawat sakit yang untuknya tuntutan dibuat asalkan Sakit Yang Tiba-tiba dan Tidak Diduga itu bukannya Penyakit Sedia Ada dan jenis Sakit Yang Tiba-tiba dan Tidak Diduga itu tidak dikecualikan daripada Polisi ini.

Tindakan Pengganas bermaksud sebarang penggunaan sebenar atau ancaman penggunaan kekerasan atau keganasan yang diarahkan kepada atau menyebabkan kerosakan, kecederaan, kemudaratan atau gangguan, atau melakukan tindakan yang berbahaya kepada nyawa manusia atau harta benda, terhadap mana-mana individu, harta benda atau kerajaan, dengan objektif untuk mengejar kepentingan ekonomi, etnik, semangat kebangsaan, politik, kaum dan/atau agama, dan di mana tindakan itu disahkan atau diiktiraf oleh kerajaan di mana tindakan itu berlaku sebagai tindakan keganasan. Untuk mengelakkan keraguan, perbuatan jenayah seperti rompakan yang dilakukan terutamanya untuk keuntungan peribadi dan perbuatan yang timbul terutamanya daripada hubungan peribadi sebelumnya antara penyerang dan mangsa tidak akan dianggap sebagai Tindakan Pengganas.

Keganasan Nuklear, Kimia dan Biologi bermaksud penggunaan sebarang senjata atau peranti nuklear atau pelepasan, buangan, serakan, luapan atau larut resap mana-mana Agen Kimia pepejal, cecair atau gas dan/atau Agen Biologi semasa Polisi ini berkuat kuasa oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan, dilakukan bagi tujuan atau sebab politik, agama atau ideologi termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menimbulkan ketakutan di kalangan orang ramai atau mana-mana kumpulan orang ramai.

Agensi Kimia bermaksud sebarang sebatian yang apabila disebarkan dengan cara yang sesuai, menghasilkan kesan yang melumpuhkan, merosakkan atau membawa maut ke atas manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan atau harta benda.

Agensi Biologi bermaksud sebarang mikroorganisma patogen (yang menyebabkan penyakit) dan/atau toksin yang terhasil secara biologi (termasuk organisma ubahsuai genetik dan toksin sintesis kimia) yang menyebabkan penyakit dan/atau kematian pada manusia, haiwan atau tumbuh-tumbuhan.

2. TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Ini adalah suatu syarat yang asas dan khusus yang mutlak bagi kontrak insurans ini bahawa premium yang terhutang mesti dibayar dan diterima oleh Syarikat sebelum perlindungan bermula atau diperbaharui. Jika Anda tidak mematuhi syarat ini, Polisi ini akan dibatalkan atau tamat tempoh secara automatik, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Sekiranya Syarikat menerima notis anda untuk memperbaharui Polisi ini sebelum tamat tempohnya, tempoh ihsan selama 60 hari dari tamat tempoh Polisi ini ("Tempoh Ihsan") akan diberikan kepada Anda untuk pembayaran premium yang terhutang. Jika Syarikat menerima premium yang terhutang dalam Tempoh Ihsan, Syarikat boleh mengembalikan semula dan memperbaharui Polisi ini dan tarikh tamat tempoh.

Jika ejen kami yang diberi kuasa menerima premium yang perlu dibayar, kami akan menganggap bahawa kami telah menerima premium itu. Tanggungjawab untuk membuktikan bahawa premium yang terhutang itu telah diterima oleh orang yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium tersebut akan terletak pada kami.

3. PERUBAHAN KEPADA POLISI

Berdasarkan kepada undang-undang, peraturan-peraturan, kaedah, perintah, arahan, syarat, piawaian, garis panduan dan kod amalan oleh mana-mana badan berkanun atau badan yang dikawal selia oleh kerajaan atau persatuan yang mempunyai kuasa penyeliaan, bidang kuasa atau kawalan keatas kami, jika kami merasakan adalah perlu untuk membuat sebarang perubahan kepada mana-mana peruntukan didalam polisi, kami boleh berbuat sedemikian secara notis dalam apa jua bentuk kepada Anda.

4. NOTIS

- (a) Semua notis mesti secara bertulis dan akan disampaikan jika dihantar atau ditinggalkan di alamat terakhir anda yang diketahui atau mana-mana alamat yang Anda berikan kepada kami secara bertulis. Mana-mana notis yang dihantar melalui pos akan dianggap diterima tiga hari selepas ia diposkan, walaupun ia telah diterima atau tidak
- (b) Kami mungkin memberi Anda notis melalui faks, e-mel, pesanan teks atau cara yang lain jika kami menganggap keadaannya adalah bersesuaian. Sebarang notis yang dihantar melalui faks dianggap sampai apabila kami menerima pengesahan transmisi. Jika notis dihantar melalui e-mel atau pesanan teks, ia dianggap dihantar pada hari pemiagaan berikutnya.
- (c) Tanpa menghiraukan apa yang mungkin disebutkan oleh kami, semua notis dan/atau tuntutan mesti dihantar kepada kami secara bertulis. Ia hanya akan dianggap diterima jika dihantar secara peribadi atau dihantar melalui pos berdaftar dialamatkan kepada Ibu Pejabat kami di Kuala Lumpur dan kami telah menerimanya. Anda mesti menyebutkan Nombor Polisi dalam mana-mana notis dan/atau tuntutan supaya ianya dianggap sah.

5. TAFSIRAN

Dalam Polisi ini, melainkan dinyatakan sebaliknya:

- (a) tajuk dimasukkan bagi tujuan kemudahan sahaja dan tidak akan mempengaruhi pentafsiran Polisi ini;
- (b) perkataan yang membawa maksud tunggal juga bermaksud jamak dan perkataan yang membawa maksud jamak juga bermaksud tunggal; dan

(c) perkataan yang membawa maksud sesuatu jantina juga bermaksud setiap jantina.

Setiap peruntukan Polisi ini berasingan daripada peruntukan lain. Jika satu atau lebih peruntukan menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan, ia tidak akan menjejaskan peruntukan yang lain.

6. HAD SEKATAN DAN FASAL PENGECUALIAN

Syarikat tidak akan memberikan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat di bawah ini di mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan, atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan Kami kepada mana-mana larangan atau sekatan di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan, undang-undang atau peraturan perdagangan atau ekonomi Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

7. AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Dengan memberikan maklumat peribadi Anda, bermakna Anda memberi kebenaran kepada Kami untuk menggunakannya sebagaimana dihuraikan di bawah:

i. Untuk memproses data peribadi Anda dengan matlamat untuk melaksanakan kontrak insurans.

ii. Anda membenarkan dan mengizinkan Kami untuk menyimpan dan berkongsi data tersebut dengan pembekal perkhidmatan Kami, khususnya,

a) Penyelaras berlesen yang berdaftar,

b) Peguam Cara, dan mana-mana badan profesional lain untuk tujuan pelaksanaan kontrak insurans,

c) Penanggung Insurans dan Penanggung Insurans Semula,

d) ISM Insurance Services Malaysia Berhad

iii. Subjek Data (pencadang) hendak dimaklumkan tentang haknya untuk menyemak data dan untuk meminta pembetulan data peribadinya.

Notis: Menurut peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami untuk mendapatkan butir-butir data peribadi Anda. Maklumat sedemikian akan hanya diberikan selepas pengesahan. Anda boleh mengemaskinikan/membetulkan data dengan memberikan butir-butirnya secara bertulis kepada Kami.

Keseluruhan Polisi ini (dengan dokumen dalam takrifan Polisi) hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak.

NOTIS PENTING

Sila baca Polisi ini dan syarat-syaratnya. Jika terdapat sebarang kesilapan, sila kembalikannya kepada kami dengan segera untuk dipinda.

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan di gunakan.